

MESYUARAT MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA DAN BENGKEL PELAN STRATEGIK MALUMNI BIL.1/2026

Universiti Putra Malaysia, 31 Januari 2026 – Mesyuarat Majlis Alumni Universiti Awam (MALUMNI) telah diadakan di Bilik Sidang Fotografi, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) selaku tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat Bil.1/2026 bersama urusetia dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM).

Mesyuarat dan bengkel yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) serta Pengerusi Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia (MALUMNI) telah dihadiri oleh para pengarah dan pegawai-pegawai universiti awam selaku Ahli Jawatankuasa Majlis Alumni Universiti Awam. Bengkel ini membincangkan program-program yang akan dijalankan pada tahun 2026, termasuk Alumni Madani Run di Putrajaya, Karnival Sukan Madani di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Konvensyen Usahawan Alumni di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Program Alumni Back to Campus.

Antara program yang dijalankan di Universiti Putra Malaysia (UPM) ialah majlis makan malam yang turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Datuk Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. Beliau juga merasmikan program Jaringan Alumni Prihatin Universiti Awam 2026 (CAKNA). Majlis diakhiri dengan pemberian cenderamata daripada pihak sekretariat UTEM kepada Ketua Pengarah dan pihak tuan rumah, UPM.



Keesokan harinya, Universiti Putra Malaysia (UPM) selaku tuan rumah, mengatur program CSR Industri dengan membuat lawatan ke Saudagar Nanas Agrofarm, Kajang yang dimiliki oleh seorang alumni UPM. Delegasi turut dibawa melawat Ladang Farm Fresh dan Kilang Beryl's Wonderland di Seri Kembangan. Mesyuarat akan datang dicadangkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN PAPTI

USM, Kuala Lumpur, 23 Januari 2026 - Persatuan Alumni Pendidikan Tinggi Indonesia di Malaysia (PAPTI) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Perdana bersempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PAPTI di Dewan Merdeka, World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur.



Majlis bersejarah ini buat julung kalinya menghimpunkan seramai 550 orang alumni daripada universiti di Malaysia dan Indonesia, sekali gus mengukuhkan jaringan kerjasama strategik antara institusi pendidikan tinggi serantau. Universiti Sains Malaysia (USM) telah diwakili oleh Pusat Pembangunan Alumni (PPA) dan Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA), serta turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor BHEPA.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Seri Abdul Latif bin Awang, Presiden PAPTI merangkap mantan Dekan Pusat Pengajian Sains Fizik USM, telah menerima cenderahati daripada pihak PPA sebagai tanda penghargaan.

Selain itu, PPA turut mengadakan lawatan pada Sabtu 24 Januari 2026 ke Nandong Food Industri, syarikat yang diasaskan oleh Tuan Masduki Mohfot, alumni USM (1990–1992). Lawatan yang diketuai oleh Encik Ahmad Wafi Sahedan, Penyelaras PPA, berlangsung dengan jayanya dan penuh inspirasi.

Inisiatif seumpama ini diharapkan dapat terus memperkukuh hubungan alumni serta menyokong aspirasi dan visi Universiti Sains Malaysia.



Website



SocMed

Alumni
Bulletin

Alumni
News

Penasihat: Ahmad Wafi Sahedan
Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Siti Zulaiha
Penyunting: Harnani Dzulkafli